



# **PELAN STRATEGIK 2019 – 2023**

## **MAJLIS DAERAH GERIK**



# KANDUNGAN

<b>Kata-Kata Aluan Yang Dipertua Majlis Daerah Gerik</b>	.....	.....	.....	.....	3
<b>Ringkasan Eksekutif</b>	.....	.....	.....	.....	4
<b>1. Latar Belakang</b>					5
• Pengenalan	.....	.....	.....	.....	6-17
• Carta Organisasi	.....	.....	.....	.....	18 – 19
• Fungsi dan Peranan	.....	.....	.....	.....	20
• Hubungkait MDG dan Pihak Berkepentingan	.....	.....	.....	.....	21 – 24
• Analisis Persekutaran	.....	.....	.....	.....	25 – 26
<b>2. Visi, Misi dan Nilai-Nilai Bersama</b>					27
• Pengenalan Pelan Strategik	.....	.....	.....	.....	28
• Visi	.....	.....	.....	.....	29
• Misi	.....	.....	.....	.....	30
• Nilai-Nilai Bersama	.....	.....	.....	.....	31
<b>3. Pembentukan Strategi</b>					32
• Tema Strategik	.....	.....	.....	.....	33
• Objektif Strategik	.....	.....	.....	.....	34
• Strategi, Pelan Tindakan dan KPI	.....	.....	.....	.....	35 - 46
• Peta Strategik	.....	.....	.....	.....	47 - 48
<b>4. Penutup</b>	.....	.....	.....	.....	49

## **KATA-KATA ALUAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK**



Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia NYA Majlis Daerah Gerik dapat merangka Pelan Strategik 2019 – 2023 ini. Usaha akan dilaksanakan supaya Gerik dapat muncul sebagai sebuah Bandar yang bersih, sejahtera dan maju. Majlis Daerah Gerik telah menggariskan visi yang lebih jelas sehingga tahun 2023 iaitu “Gerik akan menjadi sebuah Bandar yang terurus di segi kebersihan, sejahtera untuk didiami serta berdaya saing di dalam arus kemajuan dan pembangunan di segi sosio-ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni dan pengunjungnya.”

Sehubungan itu, Pelan Strategik Majlis Daerah Gerik 2019 – 2023 ini adalah satu keperluan dalam menentu halatuju dan memastikan perjalanannya tercapai. Dengan adanya Pelan Strategik yang jelas akan dapat memberi kefahaman dan panduan kepada seluruh warga Majlis Daerah Gerik dalam menyampaikan perkhidmatan ke arah halatuju yang digariskan.

Pelan Strategik ini tidak mungkin dapat dijayakan tanpa sokongan dan kerjasama dari semua pihak lebih-lebih lagi pegawai dan kakitangan serta pelanggan Majlis Daerah Gerik.

Saya sangat-sangat berharap semoga segala yang dirancang dan akan dilaksanakan ini akan membawa manfaat, keberkatan dan kesejahteraan kepada seluruh warga Gerik.

Sekian, terima kasih.

**(Tuan Zulhisham B. Ahmad Shukori)**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Majlis Daerah Gerik adalah tulang belakang kepada pembangunan dan perkhidmatan di Gerik meliputi kawasan operasi dan kawalannya. Oleh yang demikian Majlis Daerah Gerik mestilah mempunyai satu halatuju yang jelas dan strategik yang mantap bagi memastikan perancangan, pembangunan dan perkhidmatannya sentiasa proaktif, cekap dan melangkaui kehendak pelanggan.

Majlis Daerah Gerik telah merangka visi dan misi bagi memantapkan organisasi dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan. Pelan Strategik ini mengandungi visi, misi, nilai-nilai bersama objektif strategik, strategik, pelan tindakan dan KPI serta pelan strategik. Inisiatif utama adalah memberi gambaran menyeluruh mengenai perancangan dan pelaksanaan strategik untuk Majlis Daerah Gerik khasnya dan Bandar Gerik amnya.

Pelan strategik ini akan disemak setiap tahun supaya dapat diselaraskan pencapaiannya mengikut sasaran-sasaran yang ditetapkan. Dengan cara ini dapat dipastikan strategi-strategi yang telah digariskan berada di landasan yang betul. Adalah diharapkan semua pihak memainkan peranan masing-masing untuk mencapai objektif dan prestasi strategik yang dikehendaki.

# 1

## LATAR BELAKANG

- Pengenalan
- Carta Organisasi
- Fungsi dan Peranan
- Hubungkait MDG dengan Pihak Berkepentingan
- Analisis Persekutaran

# **PENGENALAN**

## **LATAR BELAKANG**

## **PENUBUHAN**

Majlis Daerah Gerik (MDG) telah ditubuhkan pada 1 Disember, 1979 dengan tujuan utamanya untuk mentadbir dan mengurus Bandar Gerik serta kawasan-kawasan di bawah kawalannya. Tumpuan penting untuk pembangunan dan infrastruktur ialah kawasan operasi.

## **KELUASAN**

- Kawasan Pentadbiran - 281.00 km persegi.
- Kawasan Operasi - 5.59 km persegi
- Kawasan Kawalan - 275.71 km persegi.

## **OBJEKTIF**


Merancang, mengurus, mengawal pembangunan dan perkhidmatan perbandaran selaras polisi kerajaan negeri dan persekutuan serta menggalakkan pembangunan ekonomi bagi meningkatkan kualiti selaras dengan keperluan sosial dan alam sekitar.

## **FOKUS UTAMA**

Majlis Daerah Gerik memberi tumpuan untuk tadbir urus yang baik dan kehidupan masyarakat yang berkualiti dengan menggiatkan usaha-usaha ke arah menambahbaik pengurusan penyelenggaraan dan sistem penyampaian perkhidmatan. Adalah menjadi harapan MAJLIS DAERAH GERIK memberi tumpuan kepada penglibatan semua golongan masyarakat berganding bahu, bekerjasama memberi komitmen dalam membangunkan komuniti dan ekonomi GERIK bagi meningkat dan mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian yang dinikmati sekarang.

## A) RANCANGAN TEMPATAN DAERAH HULU PERAK 2030

Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030 adalah satu dokumen rasmi yang membentangkan perancangan dan pembangunan guna tanah dan fizikal bagi seluruh Daerah Hulu Perak dalam tempoh 2016-2030. Perancangan pembangunan RTD Hulu Perak ini menterjemahkan dasar-dasar dan cadangan umum yang terkandung di dalam Rancangan Struktur Negeri Perak kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci. RTD Hulu Perak 2030 ini digunakan sebagai asas perancangan dan pembangunan guna tanah dan fizikal oleh ketiga-tiga pihak berkuasa tempatan di Daerah Hulu Perak iaitu Majlis Daerah Pengkalan Hulu, Majlis Daerah Gerik dan Majlis Daerah Lenggong serta Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak dan semua agensi kerajaan peringkat persekutuan, negeri dan daerah dalam tempoh perancangan. Kaedah penyediaan Rancangan Tempatan ini adalah berpandukan kepada Manual Rancangan Tempatan Edisi 2013 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Laporan RTD Hulu Perak 2030 ini adalah peringkat ketiga di dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan.



## **B) PELAN INDUK LANDSKAP**

Pelan Induk Lanskap Majlis Daerah Gerik merupakan satu pelan tindakan jangka masa panjang yang komprehensif dalam aspek pembangunan lanskap termasuklah penyediaan kawasan lapang dan taman-taman awam yang mengambil kira semua dasar, akta serta garis panduan yang terperinci mengikut kepentingan pelaksanaan pembangunan sebagai sumber rujukan utama bagi sebuah kajian pelan induk lanskap yang menyeluruh.

Secara amnya, ianya berfungsi sebagai satu rangka tindakan bagi penyediaan perancangan cadangan pembangunan lanskap yang perlu dikemukakan oleh setiap agensi pelaksana dalam usaha mencapai matlamat negara sebagai "**Malaysia Negara Taman Terindah 2020**". Justeru itu, penyediaan Pelan Induk Lanskap ini dapat memacu negara ke arah pencapaian persekitaran hidup yang berkualiti dan efisien di dalam kawasan bandar, pekan dan juga luar bandar dengan berpandukan aspek-aspek yang telah ditentukan untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam melaksanakan sebarang program dan projek pembangunan lanskap bagi jangka masa tiga belas tahun (2017-2030).

Peranan utama wawasan Majlis Daerah Gerik adalah penting bagi melancarkan Pelan Induk Lanskap Majlis Daerah Gerik supaya setiap cadangan program pembangunan yang bakal dilaksanakan selari dengan keperluan dan kehendak pihak majlis. Seperti mana yang dihasratkan dalam misi "**Menjadikan Gerik Bandar Terunggul Melalui Perkhidmatan Perbandaran dan Tadbir Urus Yang Cekap, Cemerlang Serta Berintegriti**" yang disokong melalui kemakmuran ekonomi, kestabilan persekitaran, kesejahteraan serta kemaslahatan integrasi sosial, akan meneraju Daerah Gerik ke arah yang lebih kondusif dan mapan.

Kawasan pentadbiran Majlis Daerah Gerik merangkumi kawasan yang berkeluasan sebanyak 132, 463 hektar dan meliputi kawasan kawalan seluas 28, 100 hektar di mana ia terbahagi kepada lima (5) Blok Perancangan (BP) mengikut Rancangan

Tempatan Daerah (RTD) Hulu Perak iaitu BP 3 Kerunai, BP 4 Gerik, BP 5 Kenering, BP 6 Belum dan BP 7 Temengor. Kajian Pelan Induk Lanskap ini lebih menumpukan kepada 3 kawasan berpotensi sebagai koridor pembangunan lanskap bagi Daerah Gerik iaitu Lawin - Gerik - Bandariang. Persekitarannya yang terdiri daripada kawasan landai dan bukit-bukau menjadikan Daerah Gerik sebagai salah satu pusat tarikan pelancongan yang menarik disebabkan faktor kualiti visual yang tinggi dengan pemandangan latar belakang alam semula jadi serta diperkaya dengan aset kepelbagaiannya biodiversiti, corak budaya dan tinggalan sejarah yang boleh dinikmati oleh masyarakat tempatan dan pengunjung serata negeri.


Penyediaan Kajian Pelan Induk Lanskap Majlis Daerah Gerik ini adalah penting bagi mengenal pasti hala tuju perancangan dan memantau pola pembangunan lanskap fizikal dan semula jadi yang bersesuaian seterusnya dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan program pembangunan lanskap yang terperinci dan sistematik berpandukan dasar-dasar, akta-akta dan garis panduan yang ditetapkan. Setiap cadangan pembangunan lanskap yang dilaksanakan di kawasan Daerah Gerik seterusnya akan dijadikan sumber rujukan untuk diterapkan di dalam sebarang perencanaan pembangunan lanskap yang berkaitan pada masa akan datang.



### C) CADANGAN PERLUASAN KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK


1.1 Cadangan perluasan kawasan operasi MDG ini akan merangkumi seluruh mukim iaitu Mukim Temenggor, Gerik, Kenering, Kerunai dan Belum. Cadangan perluasan kawasan adalah seperti berikut:

**Rajah 1 Peta Mukim**



\*Sumber pelan: Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2002 - 2015

## RAJAH 2 : CADANGAN PERLUASAN KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK



### PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Kawasan pentadbiran sedia ada  
M.D. Gerik

(27,257 Hektar)

Cadangan Perluasan Kawasan M.D.  
Gerik

(586,155.91 Hektar)

**Jadual 2: Keluasan Mukim**

Bil.	Mukim	Keluasan Kawasan PBT Mengikut Mukim (Hektar)	Cadangan Perluasan (Hektar)
1.	Temenggor	11,364.29	445,041.00
2.	Gerik	10,767	7,013.49
3.	Kenering	4,643.71	13,137.49
4.	Kerunai	482	3,463.93
5.	Belum	-	117,500.00
<b>Jumlah</b>		<b>27,257</b>	<b>586,155.91</b>

<b>Keluasan Kawasan (hektar)</b>			
Sedia ada (a)	<b>Cadangan (b)</b>	Jumlah (c)	Peratus Pertambahan [(b)/(c) x 100%]
27,257	<b>586,155.91</b>	613,412.91	95.56%

## 2. ASAS PERTIMBANGAN

- 2.1 Majlis Daerah Gerik telah ditubuhkan pada 1 Disember 1979, di bawah peruntukan penyusunan semula Penguasa - penguasa Tempatan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 dengan mencantumkan beberapa Penguasa Tempatan dalam Daerah Gerik untuk menjadikan Penguasa Tempatan yang besar dan kukuh

- 2.2 Selaras dengan Seksyen 7(1) Akta 171 pada September 1999, MDG telah mewartakan seluas 176.2 km persegi sebagai tambahan kawasan Pentadbiran MDG menjadikan keseluruhan kawasan pentadbiran MDG kepada 281 Km persegi dengan kawasan operasi hanya seluas 17.5 Km persegi. Kawasan MDG mempunyai penduduk berbilang bangsa dengan jumlah penduduk di Daerah Gerik adalah seramai 56, 000 orang (Banci penduduk 2010).
- 2.3 Perkembangan dan pembangunan terkini yang wujud dan terletak di luar kawasan pentadbiran PBT menyebabkan PBT tidak dapat menjalankan sepenuhnya kerja-kerja pengawalan, menyalurkan kemudahan perbandaran dan mengutip cukai taksiran serta lain-lain hasil. Oleh yang demikian adalah perlu kawasan pentadbiran MDG diperluaskan ke kawasan-kawasan pembangunan yang terletak di luar kawasan pentadbirannya.
- 2.4 Tujuan utama perluasan kawasan ini adalah seperti berikut:-

**2.4.1 Memudahkan MDG menjalankan kerja-kerja pengawalan dan pemantauan.**

Kepesatan pembangunan di Daerah Gerik memerlukan kawalan dan pemantauan dari pihak MDG, Pembangunan tidak berkelompok menyukarkan kerja-kerja pemantauan kerana kebanyakannya di luar kawasan MDG selain daripada itu keluasan MDG hanyalah seluas 27,257.00 hektar, keluasan kawasan tersebut terlalu kecil bagi sebuah Majlis Daerah kerana kebanyakan pembangunan berada di luar kawasan MDG.

Apabila cadangan peluasan kawasan tersebut dapat diwartakan sebagai kawasan operasi, PBT boleh menyediakan perkhidmatan dan mengadakan kawalan pembangunan dengan lebih berkesan. Berdasarkan “trens” pembangunan semasa yang berlaku, kebanyakan pembangunan semasa tidak mengira kawasan oleh kerana kebanyakan telah dihubungkan dengan sistem jalanraya yang baik.

- 2.4.2 Melaksanakan Kawalan pembangunan dan menguatkuasakan alat perundangan yang sediaada di bawah bidang kuasa MDG. Sejajar dengan matlamat Kerajaan Negeri menjadikan Perak Maju menjelang tahun 2015, PBT perlu lebih proaktif dalam mengawal pembangunan-pembangunan yang baru. Ini kerana pembangunan pesat yang tidak dikawal akan menyebabkan masalah kepada alam sekitar dan penduduk seperti penerokaan haram, pencemaran, tanah runtuhan, gangguan kepada sistem saliran dan sebagainya.
  
- 2.4.3 Menambah sumber pendapatan dari kutipan hasil cukai dan bukan cukai. Beberapa projek pembangunan yang sedia ada dan cadangan yang berada di luar kawasan MDG dijangka akan menyumbangkan hasil kepada MDG. Beberapa pembangunan sedia ada yang berada di luar kawasan MDG antaranya:
  - i. Kawasan Empangan :-
    - a. Temenggor
    - b. Sungai Perak
    - c. Kenering
  - ii. Dayalam Kuari Jalan Gerik Baling

#### 2.4.4 Mengukuhkan Organisasi MDG

Cadangan memperluaskan kawasan pentadbiran ini dapat membantu mengukuhkan MDG khususnya dari segi peningkatan hasil dan bilangan penduduk. Peningkatan hasil dari kutipan cukai terutama dari premis perdagangan dan perindustrian yang pada masa ini berada di luar kawasan pentadbiran dan peningkatan bilangan penduduk secara langsung akan membantu mengukuhkan ekonomi dan menjadikan MDG lebih berdaya maju.

- 2.4.5 Menaikkan nilai tanah seterusnya, mengalakkan pembangunan kawasan dengan lebih terancang serta berdaya maju
- 2.4.6 Melalui perluasan kawasan ini, tidak semua pemilik harta akan terus dikenakan cukai taksiran. MDG sedia menggunakan budi bicara dalam menentukan kawasan yang difikirkan patut dikenakan cukai berdasarkan tahap pembangunan, keperluan perkhidmatan dan jangkaan pendapatan yang akan diperolehi.

### 3. IMPLIKASI

#### Implikasi Perjawatan

- 3.1 Pada masa ini jumlah perjawatan di MDG adalah seramai **89** orang dan tidak akan berlaku sebarang pertambahan jawatan. Perjawatan sedia ada mencukupi untuk mentadbir urus kawasan semasa dan selepas perluasan kawasan.

### **Implikasi Kewangan**

- 3.2 Secara amnya kedudukan kewangan MDG adalah kukuh dan pendapatan MDG dijangka meningkat melalui pemerosesan pelan-pelan pembangunan serta hasil dari cukai pintu bagi premis-premis perniagaan seperti Kuari dan Kawasan Empangan. Adalah dijangkakan melalui proses perluasan kawasan ini, MDG akan mendapat tambahan hasil baru sebanyak RM 1,500,000.00
- 3.3 Pencapaian pendapatan MDG bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM 5,672,066.00. Manakala perbelanjaan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM 6,815,962.00
- 3.4 Perbandingan pencapaian pendapatan MDG bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM 7,654,287.52. Manakala perbelanjaan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM 5,795,604.31



## **MAJLIS DAERAH GERIK**

### **ORGANISASI**

Majlis Daerah Gerik diketuai oleh Yang Dipertua (Gred M54) dan dibantu oleh Setiausaha Majlis Daerah Gerik (Gred N41/44) serta disokong oleh jabatan-jabatan berikut:-

1. Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Jabatan Perbendaharaan
3. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
4. Jabatan Kejuruteraan
5. Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap
6. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Pelesenan
7. Unit Undang-Undang
8. Unit Pusat Setempat (OSC)

## CARTA ORGANISASI MDG

## **FUNGSI DAN PERANAN**

Fungsi dan peranan Majlis Daerah Gerik adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancang Bandar & Desa (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133).

- (a) melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan di dalam kawasan Majlis Daerah Gerik (operasi dan kawalan).
- (b) Sebagai pihak berkuasa perancang tempatan berkaitan:-
  - perancangan Bandar
  - keselamatan awam
  - kemudahan awam dan keselesaan penduduk
  - kelulusan pemajuan dan lesen
  - pertumbuhan ekonomi setempat
- (c) memaju, menggalak dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam kawasan Majlis Daerah Gerik (operasi dan kawalan).
- (d) Memaju, menggalak dan mengusahakan pembangunan infrastruktur dalam kawasan Majlis Daerah Gerik.
- (e) Menyelenggara, mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti di (a), (b) dan (c) dan (d) di atas.

## **HUBUNGKAIT MAJLIS DAERAH GERIK DAN PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKE HOLDERS AND PELANGGAN)**

Majlis Daerah Gerik berurusan dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan fungsi dan peranannya sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (Local Authority). Pelanggan Majlis Daerah Gerik terdiri dari komuniti GERIK, warga kerja sektor kerajaan dan swasta, NGO, pemilik kediaman/premis perniagaan, peniaga-peniaga serta pengunjung/pelancong dari dalam dan luar negara. Pemegang kepentingan pula adalah dari pihak Kerajaan Negeri dan Ahli Majlis. Manakala rakan kongsi pula seperti agensi-agensi kerajaan, PBT bersempadan, polis, bomba, hospital dan klinik, pemaju, pembekal, pakar runding, kontraktor serta syarikat-syarikat utiliti. (contoh TNB, TM dan lain-lain). Hubung kait ini menjalinkan kerjasama strategik ke arah membangunkan GERIK dan membolehkan MAJLIS DAERAH GERIK menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya.

## **HUBUNGKAIT STAKE HOLDERS DAN PELANGGAN**

**PEMEGANG  
KEPENTINGAN**

- Kerajaan Negeri Perak
- Setiausaha Kerajaan (SUK)
- Ahli Majlis Daerah Gerik
- Anggota Majlis Daerah Gerik

**PELANGGAN**

- Penduduk
- Kakitangan kerajaan dan swasta
- Pengusaha Perniagaan
- Pelawat/Pelancong
- Pemilik Kediaman/premis perniagaan
- Syarikat Konsesi
- NGO

**RAKAN  
KONGSI**

- Agensi Kerajaan
- PBT bersempadan
- Polis dan Bomba
- Hospital dan Klinik
- Pemaju/pembekal/pakarunding/kontraktor
- Syarikat Utiliti/Kontraktor

## **PROSES/HUBUNGKAIT/AKTIVITI STAKE HOLDERS DAN PELANGGAN**

<b>Pelanggan/Pemegang Kepentingan/Rakan Kongsi</b>	<b>Proses hubungkait dan aktiviti</b>
Kerajaan Negeri Perak SUK Ahli Majlis Daerah Gerik dan anggota Majlis Daerah Gerik.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber kewangan/pembentangan</li> <li>• Laporan Tahunan</li> <li>• Polisi dan garispanduan</li> </ul>
Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan Perbandaran</li> <li>• Aduan, dialog, maklumbalas</li> <li>• Aktiviti Kemasyarakatan</li> </ul>
Kakitangan Kerajaan dan Swasta.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aduan, maklumbalas.</li> </ul>
Pengusaha Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan Lesen</li> <li>• Bayaran</li> <li>• Kelulusan Permohonan Lesen.</li> </ul>
Pelawat/Pelancong	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aduan, maklumbalas.</li> </ul>
Pemilik kediaman dan premis perniagaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aduan dan pertanyaan</li> <li>• Bayaran cukai</li> <li>• Perkhidmatan perbandaran</li> <li>• Khidmat nasihat</li> </ul>
Syarikat Konsesi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aduan dan pertanyaan</li> <li>• Dialog dan maklumbalas</li> <li>• Bayaran</li> <li>• Perkhidmatan Perbandaran</li> <li>• Khidmat Nasihat</li> <li>• Perancangan/Pembangunan</li> </ul>

<b>Pelanggan/Pemegang Kepentingan/Rakan Kongsi</b>	<b>Proses hubungkait dan aktiviti</b>
NGO	* Aduan, pertanyaan dan maklumbalas
Agensi Kerajaan & PBT bersempadan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkongsian maklumat</li> <li>• Perancangan/</li> <li>• Rekabentuk/Pembangunan Sempadan</li> </ul>
Polis dan Bomba	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawalan Jenayah</li> <li>• Penguatkuasaan undang-undang</li> <li>• Pelan Keselamatan</li> <li>• Prosedur Kecemasan</li> </ul>
Hospital dan Klinik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan Kesihatan</li> <li>• Prosedur Kecemasan</li> <li>• Kawalan Penyakit</li> </ul>
Pembekal, Pakarunding, Kontraktor.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• TOR</li> <li>• Design Brief</li> <li>• Contract Agreement</li> <li>• Perancangan/Pelan Rekabentuk</li> <li>• Laporan Kemajuan Projek</li> <li>• Pengawasan pelaksanaan projek</li> </ul>
Syarikat Utiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan/Rekabentuk/Pembangunan</li> <li>• Pembekalan</li> </ul>
Wargakerja Majlis Daerah Gerik.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencapaian Prestasi</li> </ul>

## **ANALISIS PERSEKITARAN**

Dalam memastikan masa depan dan kejayaayaan Majlis Daerah Gerik cabaran-cabaran dan kekekangan berikut perlu dihadapi dan ditangani.

<b>'SWOT' ANALISA</b>	
<b>KEKUATAN (<i>strengths</i>)</b>	<b>KELEMAHAN (<i>weaknesses</i>)</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Sumber kewangan kukuh &amp; dalam kawalan</li><li>2. Sumber manusia yang kompeten, professional dan berintegriti</li><li>3. Pelan pembangunan yang terancang</li><li>4. Pengurusan yang cekap</li><li>5. Kepimpinan yang dinamik</li><li>6. Staf yang cekap dan berpengalaman</li><li>7. Teamwork dan komitmen kakitangan yang tinggi</li><li>8. Sikap untuk berdaya saing</li><li>9. Sistem yang komprehensif</li><li>10. Kerjasama bistari dengan lain-lain agensi/swasta</li><li>11. Pemilikan Aset</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Sumber kewangan yang terhad</li><li>2. Sumber hasil terhad</li><li>3. Kekurangan personel yang kompeten dan mahir</li><li>4. Tiada unit khas mengurus dan memantau perancangan strategik</li><li>5. Kemajuan kerjaya yang terhad</li><li>6. Kekurangan kumpulan professional</li><li>7. Halangan untuk penguatkuasaan undang-undang dengan lebih efektif</li><li>8. Kerenah birokrasi</li><li>9. Mendapat keyakinan pelabur</li><li>10. Koordinasi jabatan teknikal luaran</li><li>11. Limpahan ekonomi dari ibu negeri Perak terhad (Ipoh)</li></ol>

<b>PELUANG (<i>opportunities</i>)</b>	<b>ANCAMAN (<i>threats</i>)</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lokasi yang strategik – kedudukan yang menghubungkan Bandar-bandar utama dengan timur Semenanjung Malaysia</li> <li>2. Gerik – Bandar Pentadbiran Daerah Hulu Perak</li> <li>3. Memiliki produk eko-pelancongan semula jadi yang lengkap (Tasik Temenggor, Pulau Banding, Lembah Belum dan Royal Belum)</li> <li>4. Kawasan berpotensi untuk industri berasaskan kayu dan buluh</li> <li>5. Meneroka peluang pelaburan yang belum diusahakan</li> <li>6. Termasuk dalam kawasan NCER</li> <li>7. Sokongan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan</li> <li>8. Peluasan kawasan pentadbiran MDG</li> <li>9. Kos sara hidup rendah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Persepsi negetif masyarakat/orang awam kurang memahami tentang pentadbiran Majlis</li> <li>2. Kawasan pentadbiran yang berselerak/bertaburan</li> <li>3. Campur Tangan Politik.</li> <li>4. Banjir kilat, tanah runtuh serta tebing sungai rebak/runtuh</li> <li>5. Faktor muka bumi yang berbukit menyebabkan peningkatan kos pembangunan</li> <li>6. Kekurangan tanah lapang awam untuk rekreasi</li> <li>7. Persaingan dari segi ekonomi dengan negara jiran (Thailand)</li> <li>8. Kekurangan tanah pembangunan (tanah milik Majlis) untuk dimajukan sebagai sumber Majlis Daerah Gerik</li> <li>9. Penurunan kutipan cukai melalui dasar kerajaan</li> </ol>

# 2


## VISI, MISI DAN NILAI-NILAI BERSAMA

- Pengenalan Pelan Strategik
- Visi
- Misi
- Nilai-Nilai Bersama

## **VISI, MISI DAN NILAI BERSAMA**

### **PENGENALAN PERANCANGAN STRATEGIK**

Penyediaan Pelan Strategik Majlis Daerah Gerik ini mengambilkira pelbagai aspek dan perancangan. Selain itu visi, misi dan nilai-nilai bersama menjadi tapak asas halatuju yang direncanakan. Model ‘pengurusan strategik Majlis Daerah Gerik adalah seperti rajah berikut:-



# **VISI**

## **MENJADIKAN BANDAR GERIK YANG BERSIH, SEJAHTERA DAN MAJU**

Visi ini ditakrifkan sebagai suatu keazaman untuk melaksana dan menonjolkan Bandar Gerik menjadi sebuah bandar yang:-

### **BERSIH**

Mempunyai nilai kebersihan dan keselesaan yang menjamin kesihatan penduduk Gerik khususnya dan pelawat/pelancong yang mengunjungi Gerik amnya.

### **SEJAHTERA**

Memberikan kesan kesejahteraan unggul:-

- dalam aspek Bandar berkualiti dan efisyen.
- dalam aspek keselamatan dan kemudahan awam.
- dalam aspek keharmonian integriti kaum.
- dalam aspek pencapaian komuniti yang beretika dan toleransi.
- dalam aspek pencapaian ekonomi dan peluang pekerjaan.

### **MAJU**

Maju di segi ekonomi, sosial, rohani, psikologi, budaya dan politik setanding dengan bandar-bandar membangun lainnya di Malaysia.

## **MISI**

**MENJADIKAN GERIK BANDAR TERUNGGUL MELALUI  
PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN TADBIR URUS  
YANG CEKAP, CEMERLANG SERTA BERINTEGRITI.**

Matlamat utama kami adalah untuk merancang, membangun, mentadbir dan mengurus Gerik secara cekap dan berkesan di segi:-

- membina organisasi yang cekap dan mesra pelanggan.
- mengamalkan tahap tadbir urus dan integriti yang baik.
- Memberi perkhidmatan yang berkualiti.
- Memupuk persekitaran yang kondusif bagi aktiviti komersil dan sosial.

# **NILAI-NILAI BERSAMA**

## **INTEGRITI**

- Melaksanakan amanah dan kuasa yang diberikan dengan jujur dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh

## **AMANAH DAN BIJAKSANA**

- Sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dan melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab bijaksana dan jujur.

## **KERJA BERPASUKAN**

- Bekerja dalam satu pasukan dengan muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.

## **DISIPLIN, ADIL DAN TELUS**

- Mengamalkan perkhidmatan yang adil serta telus dan setiap tindakan berlandaskan undang-undang, peraturan, perinsip dan nilai-nilai murni untuk keteguhan organisasi.

## **AKAUNTABILITI**

- Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab.

# 3

## PEMBENTUKAN STRATEGI

- Tema Strategik
- Objektif Strategik
- Peta Strategik
- Strategi, Pelan Tindakan & KPI

## **TEMA STRATEGIK**

Tema strategik yang dipilih ialah BERSIH, SEJAHTERA dan MAJU. Tema ini secara keseluruhannya menggambarkan aspirasi Majlis Daerah Gerik untuk menjadikan Bandar Gerik sebagai sebuah Bandar yang bersih, menarik dan menawan dengan persekitaran yang kondusif, ceria, berdaya komersil dan sejahtera untuk didiami. Elemen ini akan digilap dengan tadbir urus yang sempurna supaya dapat meningkatkan otonomi kewangan dan meletakkan Gerik sebagai tempat tumpuan.

## **OBJEKTIF STRATEGIK**

1. Mempertingkatkan keupayan dan kapasiti Majlis.
2. Memperkasakan tadbir urus Majlis
3. Memperkuuhkan dan memantapkan sumber hasil Majlis.
4. Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti.
5. Memantapkan kolaborasi strategik.
6. Pelaksanaan Dasar-Dasar Penguatkuasaan
7. Perluasan Kawasan Majlis Daerah Gerik
8. Cadangan mengujudkan bandar baru Gerik
9. Kebersihan dan Kecerian Bandar
10. Keselamatan dan Kesejahteraan Bandar
11. Pembangunan Infrastruktur/Fizikal

# STRATEGI, PELAN TINDAKAN DAN KPI

## 1. Mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti Majlis.

Strategi	Pelan Tindakan	KPI	Indikator/Tahun Sasaran
Memantapkan pembangunan organisasi	<p>Memperkuuhkan struktur dan Skim Perkhidmatan Organisasi.</p> <p>Memantapkan penghayatan budaya organisasi cemerlang.</p>	Penarafan dalam Star Rating PBT.	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 4 bintang/tahun sasaran 2019 & 2021.
Memantapkan pengurusan sumber manusia.	<p>Mewujudkan Pelan Komprehensif Sumber Manusia.</p> <p>Mempertingkatkan kompetensi pegawai.</p> <p>Memantapkan pengurusan prestasi.</p>	Tahap Kompetensi	<p>Tahap kompetensi Pekerja yang mendapat aras cemerlang (aras 3) melebihi 30% setiap tahun.</p> <p>Pengisian perjawatan mengikut waran perjawatan</p>
Mewujudkan persekitarankerja yang kondusif.	<p>Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan.</p> <p>Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan - pekerja.</p> <p>Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat.</p>	Tahap kepuasan Pekerja	Tahap kepuasan melebihi 85% setiap tahun.

## 2. Memperkasakan Tadbir Urus Majlis

Strategi	Pelan Tindakan	KPI	Indikator/Tahun Sasaran
Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman.	<p>Memperkuuhkan dan melaksanakan sistem pemantauan pengurusan.</p> <p>Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni.</p> <p>Mengoptimumkan kos operasi Majlis.</p>	<p>Indeks Akauntabiliti (Audit Negara)</p> <p>Prestasi perbelanjaan.</p>	<p>Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 4 bintang / setiap tahun.</p> <p>Mencapai perbelanjaan seimbang antara hasil dan perbelanjaan / setiap tahun.</p>
Memantapkan sistem dan prosedur kerja.	<p>Menyemak pemakaian dan keberkesanan peraturan / undang-undang sediaada.</p> <p>Merekayasa dan menambah baik sistem dan prosedur kerja.</p>	Tahap Kepuasan Pelanggan.	Tahap kepuasan melebihi 85% setiap tahun.
Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan.	<p>Mewujudkan kod etika dan amalan terbaik penguatkuasaan.</p> <p>Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu.</p> <p>Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasa.</p>	Jumlah kes yang disabitkan.	Jumlah kes yang tidak dapat disabitkan tidak melebihi 30% setahun.

### 3. Memperkuuhkan dan Memantapkan Sumber Hasil Majlis.

Strategi	Pelan Tindakan	KPI	Indikator/Tahun Sasaran
Memantapkan keupayaan kutipan hasil.	<p>Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil.</p> <p>Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil.</p> <p>Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil tertunggak.</p>	<p>Jumlah kutipan hasil</p> <p>Jumlah kutipan hasil tertunggak.</p>	<p>Jumlah kutipan hasil melebihi 80% dari anggaran setiap tahun.</p> <p>Jumlah kutipan melebihi 30% dari jumlah keseluruhan hasil tertunggak setiap tahun.</p>
Mempelbagaikan sumber hasil.	<p>Memperkasa dan memperhebatkan kegiatan ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi.</p> <p>Meningkatkan kemudahan dan peluang kegiatan sosio ekonomi bandar.</p> <p>Mewujudkan dan menggalakkan pembangunan kawasan penempatan baru.</p>	<p>Jumlah hasil dari sumber.</p> <p>Pertumbuhan ekonomi penduduk.</p>	<p>Jumlah hasil meningkat sebanyak 20% setiap tahun.</p> <p>Peningkatan 5% pertumbuhan ekonomi penduduk setiap tahun.</p>

#### 4. Mempertingkatkan Kualiti Hidup Komuniti.

Strategi	Pelan Tindakan	KPI	Indikator/Tahun Sasaran
Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam.	<p>Membangunkan Pelan Pembangunan Kemudahan dan Infrastruktur Awam yang komprehensif.</p> <p>Mempermudahkan proses penyediaan kemudahan dan infrastrukutr oleh jabatan/agensi Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan.</p>	Tahap Kepuasan Pelanggan.	Tahap kepuasan melebihi 80% setiap tahun.
Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran.	<p>Mempertingkatkan pengawalseliaan terhadap syarikat konsesi.</p> <p>Mewujudkan Pusat Maklum Balas Komuniti dan Jawatankuasa Penduduk.</p>	Tahap Kepuasan Pelanggan.  Aduan Komuniti.	Tahap kepuasan melebihi 90% setiap tahun.  Setiap tahun 95% aduan komuniti dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.
Mewujudkan persekitaran yang indah, bersih, selamat dan selesa.	<p>Memastikan pelaksanaan projek pembangunan selaras dengan kelulusan yang diberi.</p> <p>Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya kebersihan persekitaran.</p> <p>Membangunkan Pelan Pembangunan Landskap.</p>	Indeks Kualiti Hidup.	Peningkatan 70% indeks Kualiti Hidup / (tahun sasaran 2018)

	<p>Meningkatkan penghayatan dan kesedaran gaya hidup sihat.</p> <p>Meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar.</p>		
Memperkuuhkan pengurusan aset dan fasiliti awam.	<p>Membangunkan Pelan Penyelenggaraan Fasiliti Awam.</p> <p>Mempertingkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Aset.</p>	<p>Kos penyelenggaraan.</p> <p>Jangka hayat aset dan kemudahan.</p>	<p>Penurunan 25% kos penyelenggaraan.</p> <p>Peningkatan 25% jangka hayat aset dan kemudahan.</p>

## 5. Memantapkan Kolaborasi Strategik.

Strategi	Pelan Tindakan	KPI	Indikator/Tahun Sasaran
Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan.	<p>Mewujudkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan dengan agensi Kerajaan, NGO-NGO serta pihak swasta.</p> <p>Mempertingkatkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepakaran dengan PBT yang bersempadan.</p>	<p>Tahap Kepuasan Pelanggan.</p> <p>Bilangan kerjasama strategik.</p>	<p>Tahap kepuasan melebihi 80% setiap tahun.</p> <p>Peningkatan 80% bilangan kerjasama strategik/ (tahun sasaran 2018).</p>
Memperkuuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program Majlis.	Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program Majlis.	Penyertaan komuniti.	<p>100% penglibatan komuniti dalam perancangan program / aktiviti.</p> <p>90% penyertaan komuniti dalam program / aktiviti (tahun sasaran 2023).</p>
Memperkasa imej Majlis.	<p>Membangunkan Pelan Penjenamaan Semula Majlis.</p> <p>Membangunkan Pelan Media.</p> <p>Mempertingkatkan keberkesanan program promosi.</p>	Persepsi Masyarakat.	80% masyarakat berpandangan positif terhadap Majlis (tahun sasaran 2023).

## 6. Pelaksanaan Dasar-Dasar Penguatkuasaan.

Strategi	Pelan Tindakan	KPI	Indikator/Tahun Sasaran
Memperkasakan tindakan penguatkuasaan dan undang-undang secara adil dan konsisten.	Melaksanakan kajian semula dan penyeragaman Undang-Undang Kecil PBT Perak	-Bilangan UUK yang disemak dan diwartakan  -Menyediakan garis panduan untuk keperluan semasa	-Sekurang-kurangnya 2 UUK yang disemak semula dua tahun -Keperluan semasa
	Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota yang terlibat langsung dengan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang	Bilangan operasi yang diadakan	Sekurang-kurangnya 12 kali setahun

## 7. Perluasan kawasan Majlis Daerah Gerik.

<b>Strategi</b>	<b>Pelan Tindakan</b>	<b>KPI</b>	<b>Indikator/Tahun Sasaran</b>
Perluaskan kawasan pentadbiran dan operasi Majlis Daerah Gerik.	<p>Perluasan kawasan pentadbiran dan operasi MDG</p> <p>Akan merangkumi seluruh mukim iaitu Mukim Temenggor, Gerik, Kenering, Kerunai dan Belum</p>	<p>Tindakan mendapatkan pelan Mukim daripada JUPEM</p> <p>Pertambahan keluasan kawasan pentadbiran sedia ada 27257 hektar kepada 586155.91 hektar</p> <p>MDG akan mendapat tambahan hasil baru sebanyak RM1.5 juta</p>	<p>Warta pelan perluasan kawasan pentadbiran oleh PTG, Perak</p> <p>100% dikuatkuasakan pada tahun 2021</p>
Cadangan bandar Gerik baru	Berada di jalan Gerik Kupang merangkumi keluasan 51.4165 Ha/127.05 ekar	Tindakan Permohonan tanah	Pembangunan 2023

## 8. Kebersihan dan Kecerian Bandar.

Strategi	Pelan Tindakan	KPI	Indikator/Tahun Sasaran
Menjadikan Gerik daerah yang bersih.	<p>Meningkatkan pengurusan sistem pembersihan longkang dan pemotongan rumput di kawasan operasi MDG</p> <p>Mengurangkan aduan mengenai longkang tersumbat dan rumput tidak dipotong</p> <p>Pusingan kerja 2 kali sebulan oleh pihak kontraktor</p> <p>Memastikan laporan bulanan bergambar diserahkan setiap entrim bayaran</p>	<p>Meningkatkan pengawasan dan pemantauan terhadap kawasan yang dikontrakkan</p> <p>Tindakan serta merta oleh kontraktor Puncak Emas Infra Sdn. Bhd.</p> <p>Pemotongan kadar bayaran kepada kontraktor sekiranya gagal mematuhi arahan dari masa ke semasa</p>	Tempoh kontrak 2019-2023 Bilangan zon kotrak kebersihan kepada 3 zon
Menjadikan Bandar Gerik pusat persinggahan pelancong. -Gerik Bandar “Eko-Sehenti)	<p>Memastikan pembangunan landskap mengikut perancangan/garis panduan</p> <p>Memperbanyak tanaman pokok teduhan dan hiasan</p>	Dokumen Pelan Induk Landskap Sebanyak 500 pokok teduhan/hiasan setiap tahun	Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Gerik 2017-2030 2019-2023 Melibatkan pelbagai agensi kerajaan antaranya Royal Belum Resort dan Jabatan Hutan

	<p>Memperindahkan kawasan landskap dan rekreasi</p> <p>Mewujudkan mercu tanda Gerik</p> <p>Menyelenggara landskap secara berkala</p>	<p>Menaiktaraf landskap landasan kapal terbang gerik Menaiktaraf landskap di Stesen Bas Gerik Menaiktaraf kawasan landskap sedia ada- Jln. Sultan Iskandar, Taman Inai, Taman Tanduk Rusa, Taman-Taman kawasan perumahan</p> <p>Sekurangnya-kurangnya satu (1) mercu tanda dibina</p> <p>Sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan dan lantikan kontraktor pemangkasan pokok teduhan (konsesi)</p>	<p>2019-2023</p> <p>2019-2023</p> <p>2019-2023</p>
--	--	---	--

## **9. Keselamatan dan Kesejahteraan Bandar.**

<b>Strategi</b>	<b>Pelan Tindakan</b>	<b>KPI</b>	<b>Indikator/Tahun Sasaran</b>
Meningkatkan Kesejahteraan Bandar.	<p>Memantau perancangan Pelan Rancangan Tempatan Daerah (RTD)</p> <p>Kajian Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak</p>	<p>Memastikan pembangunan mengikut pelan RTD</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat OSC</p> <p>Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak (Penggantian)</p>	<p>2019-2023</p> <p>Dokumen Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2016-2030</p>

## 10. Pembangunan Infrastruktur/Fizikal.

Strategi	Pelan Tindakan	KPI	Indikator/Tahun Sasaran
Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam serta pembinaan baru dan penyelenggaraan aset milik MDG	Menyediakan perancangan tahunan bagi projek bina baru dan penyelenggaraan	Pelaksanaan sekurangnya 50% daripada perancangan projek tahunan	2019-2023
	Mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan projek	Kelulusan sekurang-kurangnya RM2 juta setahun	2019-2023
Prasarana	Membina medan berbumbung pelbagai guna	Permohonan peruntukan yang telah diluluskan secara dasarnya oleh KPKT	2019-2020
		Medan semula pasar borong	2019-2023
	Pusat komuniti dan riadah	Membina semula kompleks Pasar Awam	2019-2023
		Membina kompleks sukan kolam renang di Jalan Sri Adika Raja Gerik	2019-2023
	Kemudahan riadah	Membina Medan Niaga Pelbagai dan Pusat Boling di Jalan Stesen Bas	2019-2023
Pusat Komersial dan riadah		Naiktaraf Aked Perniagaan	2019-2023


## **PETA STRATEGI**

Peta Strategi (Strategy Map) memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Terdapat 16 bulatan (bubble) dalam peta strategi, setiap bulatan merupakan strategi yang perlu dilaksana bagi mencapai objektif strategi yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik ini. Pencapaian strategi dan objektif ini boleh diukur berdasarkan KPI yang telah ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada empat(4) perspektif utama iaitu:-

- Perspektif Pelanggan
- Perspektif Kewangan,
- Perspektif Proses Dalaman
- Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan.

## PETA STRATEGI MAJLIS DAERAH GERIK 2019 – 2023



## **PENUTUP**

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat dan masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik MAJLIS DAERAH GERIK telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan KPI berkaitan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

**4**

# **PENUTUP**